

# Pelbagai kejayaan dicapai dalam tempoh dua dekad penubuhan UMS

UB 23.11.2015 B5

**KOTA KINABALU:** Sepanjang tempoh dua dekad penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS), pelbagai kejayaan telah berjaya dicapai di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, dalam memahatkan nama besar UMS di peringkat antarabangsa, pelbagai inisiatif kejayaan dicari dan dilaksana bagi mencapai impian yang diinginkan.

“Syukur kalimat kecemerlangan menyerlah buat UMS yang berjaya meletakkan nama setanding dengan universiti peringkat Asean serta memeterai ratusan perjanjian persefahaman (MoU) di universiti peringkat global.

“Dalam QS Asian University Ranking, kedudukan UMS terus meningkat dari tangga 301 ke kedudukan 201-250 tahun lalu dan kedudukan kesembilan pada tahun ini di peringkat Malaysia,” katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen ke-17 UMS di Dewan Canselor, di sini kelmarin.

Beliau berkata, UMS turut menerima pengiktirafan cemerlang (Tier 5) menerusi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) pada 2013 berbanding Tier 4 pada 2011 dan 2009.

Katanya, UMS turut berjaya menerima anugerah Best Career Development Centre

2015 menerusi tinjauan yang dibuat GTI Media selain memperoleh dua anugerah platinum dan empat emas di British Invention Show di United Kingdom.

“Dalam konteks ini, UMS kekal bersaing dengan universiti terulung di dunia dan membuktikan bahawa UMS adalah pilihan tepat kepada pelajar di negara ini.

“ Sesungguhnya, kecemerlangan datang pada masa yang tepat sesuai dengan nama besar UMS sebagai persada ilmu pantai timur Malaysia,” katanya.

Harun berkata, universiti secara realiti menjadi aras ketamadunan dan ketinggian intelektual kepada masyarakat setempat.

Katanya, dalam konteks itu UMS mampu menghasilkan impak kepada negeri dan negara melalui polemik akademik yang wujud dalam kalangan masyarakat lokal dan global.

“Dengan sifat keterbukaan warga universiti ini, saya berkeyakinan tinggi akan lahir idea-idea baru sesuai dengan keperluan zaman globalisasi.

“Sifat keilmuan ini bukan sahaja melahirkan warganya yang mampu mengubah minda masyarakat malah mampu membawa masyarakat dalam memacu serta memartabatkan ilmu di tumpuk tertinggi,” katanya.

Pada Majlis Konvokesyen UMS ke-17, seramai 5,083 graduan dianugerahkan ijazah dalam pelbagai bidang.